

# UMS pelopori pencarian bakat sukan pelajar di pedalaman Sabah


NS7 17/05/2012 22

KOTA KINABALU: Program Sains Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) memelopori pencarian bakat di kalangan pelajar yang tinggal di kawasan pedalaman di negeri ini kerana percaya mereka mempunyai potensi untuk diketengahkan.

Fasa pertama pencarian bakat ini dimulakan dengan kajian pengumpulan data tahap kecergasan di kalangan murid-murid tahap 2 dari sekolah-sekolah dalam beberapa kawasan pedalaman di Sabah. Selain itu, kajian turut dilakukan bagi mengetahui pola penglibatan para pelajar itu di dalam sukan.

Antara ujian yang dilakukan adalah ujian indeks jisim, ujian ketinggian, ujian prone hold, ujian duduk dan jangkau, ujian lonjakan, ujian pecut 20 meter, ujian zigzag dan ujian balingan.

Pensyarah yang terlibat dalam kajian itu adalah Prof. Madya Dr. Mohamad Razali Abdullah, Encik Mohamad Nizam Nazarudin, Encik Pathmanathan dan Encik Has-



UJIAN ... Pelajar Sains Sukan UMS melakukan ujian ketinggian terhadap para peserta.

nol Nordin.

Kajian pertama telah berlangsung pada 28 Mac yang lalu di Kg Kapulu, Tenom.

Sebanyak lima buah sekolah rendah dipilih yang melibatkan seramai 43 orang murid dari SK Rundum, SK Tilis, SK

Kolorok, SK Semambu dan SK Kapulu.

Seramai 6 orang pelajar dari jurusan Sains Sukan Uni-

versiti Malaysia Sabah telah terpilih untuk menjalankan pencarian bakat tersebut. Kajian telah diteruskan pada 1 April yang lalu di sebuah lagi kawasan pedalaman di Sabah, iaitu Pitas.

Kali ini seramai 73 orang murid tahap 2 daripada sembilan buah sekolah iaitu SK Liu, SK Maringgau, SK Bawing, SK Telaga, SK Bongkol, SK Datong, SK Mapan - Mapan, SK Mangkapan dan SK Malubang.

Pencarian bakat di kalangan pelajar di kawasan pedalaman dilakukan adalah kerana terdapat bukti yang menunjukkan adanya atlet-atlet dari dalam dan luar negara yang berasal dari kawasan pedalaman yang serba kekurangan namun masih mampu menjadi atlet yang berjaya di peringkat antarabangsa.


Antara atlet Malaysia yang dimaksudkan ialah Datuk Mohamed Misbun bin Datuk Haji Mohd Sidek, beliau adalah bekas pemain badminton Negara yang pernah menyandang Naib Juara Piala

Dunia pada 1982.

Beliau adalah seorang anak kampung yang lahir di Kampung Kanchong Darat, Banting, Selangor namun beliau mampu berjaya di persada dunia. Manakala, antara atlet luar negara yang berjaya adalah Diego Armando Maradona yang lebih dikenali sebagai 'Hand God'.

Beliau merupakan bekas pemain bola sepak negara Argentina yang telah menerima anugerah 'Pemain Terbaik Abad Ini' pada 2001 yang diiktiraf Fifa. Maradona datang daripada keluarga miskin yang tinggal jauh dari kota.

Sepanjang kajian berlangsung, pengumpulan data awal mendapati pelajar - pelajar dari kawasan pedalaman sebenarnya berpotensi untuk berjaya dalam sukan dan turut mempunyai tahap kecergasan yang tinggi walaupun mereka kekurangan dari segi alatan dan jurulatih. Pencarian bakat ini seterusnya akan dijalankan pada 17 Mei sehingga 20 Mei akan datang di daerah Tongod.



PECUT ... Ujian pecut antara ujian yang dijalankan dalam program pencarian bakat.



PENCARIAN ... Antara pelajar Sains Sukan UMS yang terlibat dalam program pencarian bakat sukan di kawasan pedalaman.